

15 OCT 1997

AEM: THAILAND AKAN TERUSKAN KOMITMENNYA KEPADA AFTA

Oleh: Azlina Aziz

PETALING JAYA, 15 Okt (Bernama) -- Thailand hari ini mengulangi komitmennya kepada Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta), dan membetulkan laporan terdahulu bahawa kesukaran ekonomi domestiknya akan memaksa ia memperlahankan, ataupun memberhentikan, tahap pengurangan tarif yang dijanjikan di bawah skim Keistimewaan Tarif Berkesan Samarata Afta.

Thailand, seperti Malaysia dan kebanyakan negara anggota yang lain, dikehendaki di bawah komitmen Afta untuk secara berperingkat-peringkat mengurangkan kepada lima peratus atau di bawah jalur tarif ke atas berpuhulh ribu produk menjelang Disember 2003.

"Kami sedang sama-sama bergerak dan setakat ini kami tidak menghadapi sebarang masalah," kata Dr Narongchai Akrasanee, menteri perdagangan Thai, sejurus tiba untuk menghadiri persidangan menteri ekonomi Asean bermula esok. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan persidangan itu.

"Sebarang pengumuman mengenai perubahan tarif yang kami lakukan tidak berkaitan dengan Afta. Kami tidak akan menarik diri.

"Sebaik sahaja kita memulakannya, kita seharusnya, meneruskannya."

Dr Narongchai menyatakan keyakinannya bahawa program Afta akan dapat mengharungi kesebaran kesukaran ekonomi di rantau ini dan sebarang penurunan nilai mata wang. Baht Thai telah susut nilai lebih 30 peratus berbanding dolar dalam beberapa bulan ini.

Kemajuan Afta ke arah tarikh akhir pada 2003, menurut beliau, adalah mengikut rancangan dan ia akan melambangkan bagaimana kesemua sembilan anggota begitu serius untuk mewujudkan sebuah kesatuan kastam yang tunggal, tidak kira ulasan-ulasan sinis yang dibuat terhadap kewujudannya.

Dalam lawatannya ke Tokyo minggu lepas, menteri kewangan Thai Thanong Bidaya dilaporkan sebagai berkata bahawa buat sementara waktu Thailand mungkin perlu memperlahankan tahap pengurangan tarifnya.

Mengenai tatacara pemberitahuan, Dr Narongchai berkata Thailand telahpun memperjelaskan pendiriannya; iaitu, ia menyokong penuh pewujudan tatacara dan untuk menjadikan peraturan perdagangan lebih luwes lagi.

Ditanya sama ada para menteri akan membincangkan kemudahan kewangan Asean, iaitu dana untuk membantu mana-mana negara anggota yang menghadapi kesulitan ekonomi, Dr Narongchai berkata: "Ia tidak berada dalam agenda, tetapi mungkin ada orang yang akan menyebutkannya." -- BERNAMA

AA SIA